



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
Email : kkm@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 8/2013 (17 hingga 23 Februari 2013)

Pada Minggu Epid 8/2013, sebanyak 447 kes telah dilaporkan, meningkat sebanyak 69 kes (17%) berbanding dengan Minggu Epid sebelumnya (408 kes). Terdapat sembilan (9) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Selangor 40 kes (23%), WP Kuala Lumpur & Putrajaya 15 kes (83%), Perak 9 kes (31%), Kedah 6 kes (43%), Perlis 4 kes (200%), Sarawak 3 kes (7%), Pulau Pinang 2 kes (12%) manakala masing-masing meningkat 1 kes di Negeri Sembilan (17%) dan Johor (3%). Jumlah kumulatif kes Denggi yang dilaporkan adalah 3,938 kes, berbanding 4,113 kes bagi tempoh yang sama tahun 2012. Pada tempoh yang sama sejumlah 8 kematian telah dilaporkan berbanding 14 kematian pada 2012.

Daripada pemantauan KKM, sejumlah 69 lokaliti wabak Denggi di 18 buah daerah dipantau di seluruh negara, iaitu Selangor (45), WP Kuala Lumpur & Putrajaya (7), Johor (7), Perak (3), Sarawak (3), Pahang (2) serta masing-masing 1 lokaliti wabak di Sabah dan Perlis. Di sepanjang minggu ke lapan juga, sebanyak 64,041 premis telah diperiksa dengan 800 premis didapati terdapat pembiakan Aedes pada minggu lepas. Sejumlah 10 buah negeri telah menunjukkan Kadar Pembiakan Aedes (AI) melebihi

1% iaitu Sarawak (3.8%), Perlis (2.7%), Melaka (2.6%), WPKL (1.8%), Johor (1.8%), Selangor (1.8%), Kelantan (1.2%) dan Sabah (1.2%).

Pada ketika ini, keadaan cuaca yang tidak menentu di mana hujan dan banjir kilat kerap berlaku boleh menyumbang kepada tempat-tempat pembiakan Aedes. Oleh itu masyarakat setempat diharap lebih peka dengan situasi ini dan menjaga kebersihan persekitaran rumah serta memastikan tiada bekas-bekas yang boleh menakung air dibiarkan di kawasan persekitaran rumah. Aktiviti gotong-royong dalam komuniti juga perlu digerakkan bagi memastikan kawasan tempat kediaman serta persekitaran dalam komuniti bebas dari tempat pembiakan nyamuk Aedes. Aktiviti pencegahan ini merupakan langkah terbaik bagi menghalang jangkitan demam Denggi dan tanggungjawab mencegah demam Denggi adalah perlu dipikul oleh semua pihak. Laporkan segera jika terdapat longgokan sampah haram di kawasan anda dan di tempat-tempat kunjungan awam kepada pihak yang berwajib. Masyarakat juga perlu memastikan kemudahan pembuangan sampah yang disediakan digunakan dengan cara berhemah bagi membolehkan sampah diurus dengan teratur. Kementerian Kesihatan Malaysia amat mengaluakan dan mengucapkan terima kasih di atas penglibatan dari setiap individu, komuniti dan agensi lain dalam mencegah demam Denggi.

DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Kementerian Kesihatan Malaysia

25 Februari 2013

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 07/2013
(17 Januari hingga 23 Februari 2013)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 8/2013	Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 8/2012
		Minggu 8 (17 - 23 Februari 2013)	Minggu 7 (10 - 16 Februari 2013)		
1	Perlis	6	2	27	27
2	Kedah	20	14	128	120
3	P. Pinang	19	17	130	159
4	Perak	38	29	309	310 (1)
5	Selangor	216	176	1,760 (1)	1854 (8)
6	WPKL & Putrajaya	33	18	205 (1)	421 (3)
7	N. Sembilan	7	6	69	71 (1)
8	Melaka	7	7	74	123
9	Johor	34	33	353 (3)	258
10	Pahang	10	15	103	131
11	Terengganu	3	4	35	171
12	Kelantan	27	28	204	224
13	Sarawak	48	45	384 (2)	158
14	Sabah	9	14	157 (1)	83 (1)
15	WP Labuan	0	0	0	3
	Jumlah	477	408	3,938 (8)	4,113 (14)

Nota: () Kematian

* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan.